

## Hubungan Modal Sosial dan Pendapatan Projek Ekonomi Peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Wilayah Kedah dan Kelantan

Mohd Saifoul Zamzuri Noor  
[saifoul@uum.edu.my](mailto:saifoul@uum.edu.my)

Fauzi Hussin  
Jabatan Ekonomi,  
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan,  
Kolej Perniagaan,  
Universiti Utara Malaysia  
[fauzi@uum.edu.my](mailto:fauzi@uum.edu.my)

Mohd Sobhi Ishak  
Pusat Pengajian, Teknologi Multimedia dan Komunikasi,  
Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia  
[msobhi@uum.edu.my](mailto:msobhi@uum.edu.my)

### ABSTRAK

Modal sosial telah lama dibincangkan oleh ahli sains sosial termasuk juga dalam bidang ekonomi seperti Narayan dan Cassidy (2001), Putnam et al (1993) dan Coleman (1988). Namun akhir-akhir ini perbincangannya menjadi lebih menarik kerana kepentingannya dalam ekonomi pembangunan terutamanya berkaitan pembiayaan kewangan mikro dan hubungannya dengan kemiskinan. Pendekatan skim kewangan mikro yang menyuburkan konsep modal sosial yang telah sedia wujud di kalangan peserta skim dikatakan berupaya melonjak prestasi aktiviti ekonomi mereka. Penyelidik cuba menganalisis kesan pengaruh modal social terhadap pendapatan projek ekonomi peserta AIM di samping pembolehubah modal insan, modal fizikal dan modal kewangan dalam satu struktural model. Analisis ini menggunakan model persamaan struktur (SEM) yang jarang sekali digunakan dalam analisis ekonomi. Kajian menggunakan data yang diperolehi dari Kajian Penyelidikan Impak 6 AIM. Sebanyak 495 responden telah ditemubual dengan menggunakan kaedah temuduga secara bersemuka. Responden dipilih mengikut kaedah rawak berlapis mengikut cawangan di kedua-dua wilayah Kedah dan Kelantan. Dapatan menunjukkan modal sosial memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan pendapatan projek peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di samping faktor modal insan, modal fizikal dan modal kewangan. Analisis mengikut wilayah dan tempoh masa menyertai AIM juga menunjukkan kesan yang signifikan mempengaruhi pendapatan projek peserta. Dapatan menggambarkan yang pelaburan untuk penambahbaikan dalam modal sosial juga adalah penting untuk mencapai objektif pembangunan sosio-ekonomi.

Kata kunci: Modal sosial, modal insan, modal fizikal, modal kewangan dan pendapatan projek.

### ABSTRACT

*Social capital has long been discussed by social scientists as well as in the economic sphere i.e. Narayan and Cassidy (2001), Putnam et al. (1993) and Coleman (1988). Lately, however, its discussion has become more interesting because of its importance in economic development, especially relating to micro financing and its relationship to poverty. The microfinance scheme approach which nourishes the existing social capital amongst the schemes participants is said to be capable of raising the performance of their economic activities. This study also attempts to use the structural equation model (SEM) which is rarely used in economic analysis in examining the effects of four variables, namely social capital, human capital, financial capital and physical capital on the participants' income from economic projects. The data set for this study was obtained from 'Kajian Penyelidikan Impak 6 Amanah Ikhtiar Malaysia' (AIM). A total of 489 respondents were interviewed using the face-to-face interview method. The respondents were selected using the stratified random sampling based on branches in both Kedah and Kelantan. The findings show that social capital, as well as the factors of Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju" Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013*

*human capital, financial capital, and physical capital, has a significant effect in increasing the income of AIM project participants. Analyses by regions and by length of time as an AIM member also show significant effect on the project income of members. The findings illustrate that investment for the improvements of social capital is also crucial to achieve socio-economic development objectives.*

*Keywords: Social capital, human capital, physical capital, financial capital and project income.*

## **PENGENALAN**

Modal sosial umumnya merujuk kepada kepercayaan (trust), norma sosial dan rangkaian (networks) sebagaimana yang terdapat dalam kajian-kajian imperikal terkini (Roslan et al 2012; Putnam, 1995; dan Narayan & Cassidy, 2001). Bank Dunia (2011) mengkategorikan modal sosial kepada lima dimensi iaitu kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan secara kolektif, sosial inklusif dan maklumat dan komunikasi. Konsep modal sosial boleh dilihat dalam tiga peringkat. Pertama adalah di peringkat mikro seperti rangkaian individu atau isi rumah. Keduaanya adalah di peringkat institusi iaitu melibatkan hubungan organisasi secara menegak dan mendatar serta tingkah laku dalaman dan antara lain-lain entiti seperti firma. Pandangan yang ketiga dan paling menyeluruh ialah di peringkat makro iaitu menggabungkan sumbangan institusi dan persekitaran politik yang lebih luas yang membentuk struktur sosial dan membolehkan pembangunan norma-norma sosial (Bank Dunia, 2002).

Modal sosial merupakan salah satu faktor yang boleh memberi kesan kepada pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah kumpulan dan negara (Putnam et al, 1993). Misalnya kajian oleh Roslan et al (2012) di peringkat isi rumah menunjukkan modal sosial menjadi salah satu faktor meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup masyarakat. Dalam konteks pembangunan ekonomi, jika dilihat sebagai asas kerjasama antara sektor dan perbezaan kuasa, modal sosial dapat mengurangkan kos urus niaga atau birokrasi. Misalnya ia memberi kesan kepada potensi peningkatan pertumbuhan keluaran dalam Negara kasar (KDNK), menambah kecekapan dalam pasaran buruh, mengurangkan tahap jenayah dan meningkatkan keberkesanan di dalam institusi kerajaan, mengurangkan kos urus niaga dan mengurangkan masalah ketidaksempurnaan maklumat (Putnam et al 1993; Narayan & Pritchett, 1999; dan Bhatt & Tang, 2002).

Modal sosial juga salah satu faktor yang boleh menerangkan mengapa prestasi pembangunan ekonomi berbeza antara individu, kumpulan dan negara (Putnam et al, 1993). Ini kerana beberapa kajian menyatakan asas yang mempengaruhi modal sosial ialah faktor sosial-budaya yang menjadi amalan kehidupan masyarakat sesebuah kumpulan atau negara itu sendiri (Fukuyama 1995; dan Putnam et al 1993). Namun dalam konteks MFIs, modal sosial yang sedia ada di kalangan individu dan kumpulan telah diformaliskan melalui kumpulan-kumpulan untuk mencapai manfaat bersama khususnya meningkatkan pendapatan.

Pendekatan skim kewangan mikro yang boleh menyuburkan konsep modal sosial yang telah sedia ada di kalangan peserta skim dikatakan berupaya melonjak prestasi aktiviti ekonomi mereka. Kebanyakan kajian sebelum ini lebih memfokuskan kepada pembinaan dan pengumpulan stok modal insan dan modal fizikal dan jarang memberi tumpuan kepada modal sosial (Roslan et al 2012). Tambahan pula kajian ini melibatkan pembinaan modal sosial yang sedia ada dalam komuniti AIM melalui campurtangan pihak Institusi Kewangan Mikro (MFIs). Atas alasan dan dorongan itulah yang menarik minat penyelidik untuk menilai kesan modal sosial dan projek ekonomi sahabat di samping modal insan, modal fizikal dan modal kewangan itu sendiri. Penyelidik cuba menjelaskan hubungan keempat-empat pembolehubah ini terhadap pendapatan projek sahabat yang dibiayai oleh AIM dalam satu model structural menggunakan SEM yang jarang sekali digunakan dalam analisis ekonomi.

Tiga persoalan yang akan dijawab dalam kertas penyelidikan ini iaitu; 1) Apakah modal sosial memberi kesan positif kepada projek ekonomi peserta? Apakah wujud perbezaan modal sosial antara wilayah dan tempoh menyertai AIM terhadap prestasi projek? Dan ketiga bagaimana hubungan modal sosial, insan dan fizikal dengan projek ekonomi melalui pembiayaan kewangan mikro? Susunan perbincangan akan disusuli dengan; 2) Sorotan kajian lepas; 3) Metodologi kajian; 4) Dapatan kajian; dan 5) Implikasi polisi dan rumusan.

## **KAJIAN LEPAS**

Dalam perusahaan atau peniagaan seseorang pengusaha memerlukan orang kenalan yang ramai bagi memudahkan urusan mereka sama ada berkaitan pertalian keluarga dan bukan keluarga. Apatah lagi dalam keadaan ekonomi yang sukar seperti kemelesatan ekonomi sudah tentu sokongan keluarga,

kawan-kawan secara individu dan organisasi sangat penting. Inilah yang dikatakan salah satu dimensi modal sosial yang diistilahkan sebagai jaringan sosial (social networks). Jaringan ini merupakan interpretasi dari perspektif pandangan komunitarian (Communitarian View)<sup>1</sup> dan jaringan (Networks view)<sup>2</sup>.

Interaksi di antara individu dan organisasi atau firma perniagaan dalam membentuk rangkaian, membina kepercayaan dan melaksanakan sesuatu tugas atau kewajiban berdasarkan nilai dan norma yang diterima masyarakat adalah modal sosial yang penting dalam proses transaksi ekonomi global (Woolcock & Narayan, 2000).

Dalam konteks pembangunan ekonomi di peringkat mikro banyak kajian menunjukkan kepentingan modal sosial dalam perkembangan perusahaan mikro dan kecil (MSE) atau aktiviti bekerja sendiri (self-employed). Kombinasi antara modal sosial, modal fizikal, modal insan dan modal kewangan amat penting dalam menentukan prestasi dan daya saing sesebuah perniagaan (Sulaiman & Saukani, 2007).

Banyak juga kajian yang menunjukkan kepentingan modal sosial khususnya dalam pembangunan perusahaan dan perniagaan. Kajian oleh Sulaiman dan Saukani (2007) menunjukkan modal sosial mempunyai pengaruh yang penting kepada daya saing sesebuah firma. Sesebuah firma memerlukan rangkaian sokongan sama ada daripada firma-firma lain atau individual untuk membolehkan ia terus wujud dalam pasaran.

Cooke, P dan Wills D. (1999) menilai program-program kerajaan untuk menggalakkan kerjasama di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk meningkatkan keupayaan inovasi dengan meningkatkan modal sosial melalui rangkaian. Ia menunjukkan bahawa, bagi sebahagian besar firma yang dibiayai skim di Denmark, Ireland dan Wales (UK) pembangunan modal sosial telah dikaitkan dengan pengetahuan dipertingkatkan, perniagaan dan prestasi inovasi. Peluang diberikan kepada firma membentuk hubungan dengan rangkaian inovasi luar dan membina asas institusi untuk meningkatkan modal sosial. Penemuan mendapati, lebih satu pertiga daripada responden merancang untuk terus membangunkan modal sosial pada masa akan datang, dalam banyak kes membiayai aktiviti tersebut secara persendirian berbanding dengan peruntukkan awam.

Laura J. Spence et al (2003) menilai modal sosial dalam PKS di Jerman dan UK. Beliau mengenal pasti kategori yang berkaitan dengan pengukuran modal sosial dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam tiga sektor yang berbeza, iaitu perkhidmatan perniagaan-ke-perniagaan, perniagaan-ke-pelanggan dan pembuatan. Sektor ini memainkan peranan penting berhubung dengan amalan perniagaan dan modal sosial. Kemasukan PKS dari Jerman dan United Kingdom telah menarik perhatian kepada aspek budaya, institusi dan ekonomi dua negara Eropah tersebut dan bagaimana mereka boleh mempengaruhi modal sosial PKS. Modal sosial didapati dipengaruhi oleh persekitaran institusi itu sendiri. Menurutnya modal sosial boleh menjadi produk kerjasama antara pelbagai institusi, rangkaian dan rakan kongsi perniagaan. Ia mempunyai potensi sebagai alat yang berguna dalam etika perniagaan.

## **KERANGKA HUBUNGAN MODAL SOSIAL, FIZIKAL DAN INSAN MELALUI MODAL KEWANGAN**

Dalam konteks pembangunan perusahaan mikro dan kecil (MSEs) atau aktiviti ekonomi, modal sosial, fizikal dan insan mempunyai kaitan dengan ekonomi kewangan mikro. Telah dinyatakan sebelum ini program kewangan mikro secara tidak langsung membantu mengembangkan MSEs melalui modal sosial, fizikal dan insan. Program kewangan mikro boleh mempengaruhi peningkatan pendapatan MSEs melalui modal fizikal. Ini kerana pada peringkat MSEs, modal kewangan mikro yang diperolehi akan digunakan untuk membeli peralatan modal fizikal. Masalahnya kekurangan cagaran dan kos urus

<sup>1</sup> Perspektif ini menyamakan modal sosial tempatan di peringkat organisasi seperti penglibatan individual dalam persatuan, kelab dan kumpulan masyarakat. Perspektif ini menjadi penyumbang penting kepada analisis kemiskinan dengan menekankan keutamaan hubungan sosial dalam membantu golongan miskin mengurus risiko dan *vulnerability* (Woolcock & Narayan, 2000).

<sup>2</sup> Perspektif ini merujuk hubungan secara menegak dan mendatar kumpulan masyarakat secara dalaman atau antara kumpulan komuniti dan firma. Hubungan ini boleh menyediakan pelbagai perkhidmatan bermakna untuk kebaikan ahli-ahli masyarakat misalnya mengurangkan kos urusniaga dalam aktiviti ekonomi dan sebagainya. Usahawan sebagai contoh, kadang-kadang bergantung pada jiran-jiran dan rakan-rakan mereka (iaitu, "ikatan" modal sosial mereka) untuk mendapat insurans, kredit dan sokongan, memerlukan akses kepada produk yang lebih meluas dan faktor pasaran untuk perniagaan mereka berkembang. Pembangunan ekonomi, dari perspektif ini, berlaku apabila mekanisme sosial "saling bergandungan atau bantu membantu" berterusan berlaku di satu-satu tempat (Woolcock & Narayan, 2000).

niaga yang tinggi untuk pinjaman kecil sering menghalang golongan miskin meminjam dari sumber perbankan konvensional (Fasantini et al, 2006 dan Rweyemamu et al, 2003). Pinjaman dari keluarga atau kawan-kawan mungkin tidak mencukupi dan pula tidak berterusan seperti pembiayaan institusi kewangan mikro (MFIs). Ini tidak memungkinkan perusahaan dapat dijalankan sehingga ke peringkat optimal.

Kewangan mikro membolehkan isi rumah atau MSEs membeli aset modal tambahan, sekali gus meningkatkan tahap modal fizikal. Ini membolehkan isi rumah memulakan aktiviti ekonomi baru atau mengembangkan aktiviti yang sedi ada. Pertimbangkan pasaran kewangan dan keputusan isi rumah sebelum dan selepas campur tangan program kewangan mikro. Sebelum campur tangan, menganggap bahawa isi rumah berada dalam keseimbangan. Sesetengah isi rumah terlibat dalam aktiviti ekonomi atau sebagai suri rumah sahaja dan sementara yang lain bekerja makan gaji dalam pasaran buruh. Kemudian program kewangan mikro diperkenalkan khususnya kepada golongan miskin atau berpendapatan rendah atau MSEs dengan kos pinjaman yang rendah. Tawaran ini menarik isi rumah atau MSEs yang telah menjalankan aktiviti ekonomi untuk mengoptimum pengeluaran melalui modal kewangan dan bagi sesetengah isi rumah tertarik untuk memulakan aktiviti ekonomi sendiri. Dengan ini wujud lebih banyak aktiviti ekonomi yang meningkatkan persaingan antara mereka. Oleh itu secara keseluruhannya akan memberi kesan kepada pendapatan aktiviti mereka.

Di samping kesan melalui modal fizikal, kewangan mikro juga boleh memberi kesan kepada pendapatan melalui modal insan. Kebanyakan program berkaitan pembangunan sosial melalui peruntukkan kewangan mikro sama ada secara langsung atau tidak. Misalnya peserta perlu menghadiri mesyuarat mingguan, membentuk kumpulan dan sebagainya. Manakala program secara langsung yang melibatkan peruntukkan khusus dari MFIs seperti kursus sebelum pinjaman, selepas pinjaman, latihan dan lain-lain. Ini menambahkan modal insan seperti celik huruf, pengupayaan, kesedaran undang-undang dan politik, strategi pelaburan, tanggungjawab awam dan kemahiran. Oleh itu secara langsung boleh meningkatkan stok modal insan dan modal sosial. Tambahan pula, mekanisme berasaskan kumpulan juga secara tidak langsung boleh memberi kesan positif kepada pembangunan modal sosial. Akan tetapi dalam kajian ini penyelidik hanya menggunakan pembolehubah pendidikan formal (tahun) sebagai proksi modal insan yang merupakan pembolehubah eksogen.

Dalam konteks ekonomi kewangan mikro, modal sosial yang sedia wujud di kalangan peserta disuburkan lagi melalui pembentukan kumpulan-kumpulan kecil bagi mencapai objektif ekonomi. Karlan (2001) menyatakan perbankan kepada golongan miskin adalah tinggi kosnya kerana melibatkan saringan peserta yang ramai, pemantauan dan kos penguatkuasaan. Menurutnya melalui pembentukan kumpulan yang dipersetujui oleh ahli-ahlinya mampu berfungsi mengawal, memantau dan menguatkuasakan pembayaran balik pinjaman dan meningkatkan tabungan. Menurut Bhatt et al (2002) kumpulan atau ahli-ahli kumpulan yang mempunyai persamaan ciri-ciri seperti tahap ekonomi, cita-cita yang sama dan sebagainya memberi kesan yang positif kepada bayar balik pinjaman. Keupayaan membuat bayaran balik pinjaman memberi gambaran berlaku peningkatan pendapatan projek ekonomi (Ghatak, 1999).

Pembentukan kumpulan seperti skim kewangan mikro AIM menggalakkan ahli-ahli untuk bekerjasama antara satu sama lain. Selain daripada itu, ciri-ciri kumpulan yang berpusat menyediakan insentif untuk ahli-ahli dalam kumpulan untuk berkongsi maklumat. Dengan ada tanggungjawab bersama bagi pinjaman dalam kumpulan, ia memberi manfaat kepada semua ahli untuk berkongsi maklumat, memberi nasihat dan membantu antara satu sama lain dan ini boleh menyuburkan lagi stok modal sosial yang sedia ada dari kalangan mereka. Dengan campurtangan daripada MFI melalui pakej pembangunan sosial –ekonomi seperti mesyuarat kumpulan secara berkala, kursus motivasi dan peruntukkan kewangan khusus dan sebagainya akan dapat meningkatkan dan menyuburkan lagi modal sosial di kalangan mereka, dengan masyarakat dan institusi yang berkaitan.

Kepelbagaian rangkaian sosial ini boleh digunakan untuk membangunkan golongan golongan aktiviti ekonomi dan kebajikan mereka. Modal sosial yang diwujudkan dalam rangkaian boleh dimanfaatkan atau digunakan dengan lebih cekap dan berkesan. Modal sosial ini adalah program kewangan berasaskan kumpulan seperti yang dilaksanakan oleh Institusi Kewangan Mikro, AIM, di Malaysia. Ini memberi gambaran bahawa stok modal sosial yang secara tidak langsung telah wujud boleh dikembangkan dan disuburkan lagi dengan pendekatan lebih formal melalui program kewangan mikro.

Mengikut Woolock dan Narayan (2000) golongan wanita desa yang miskin tidak mampu meminjam wang dari pasaran sistem kewangan konvensional kerana kekurangan atau tidak mempunyai apa-apa untuk cagaran. Menurutnya, melalui pembentukan kumpulan kecil atas persefahaman bersama boleh dijadikan cagaran untuk meminjam dalam pasaran sistem kewangan mikro. Ini boleh menjadi asas memulakan atau mengembang perniagaan kecil dan meningkatkan kebajikan keluarga mereka. Model asas hubungan modal sosial, insan dan fizikal melalui modal kewangan mikro

sebagaimana dalam kajian-kajian lepas (Ghatak, 1999; Mincer, 1974 & 1981; dan Sulaiman & Saukani, 2007) ialah seperti Rajah 1. Arah anak panah menunjukkan arah pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar. Misalnya pembolehubah modal kewangan mempengaruhi pendapatan melalui modal sosial. Manakala tanda positif menunjukkan jangkaan wujud hubungan positif antara pembolehubah tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

### Data

Analisis menggunakan data primer yang diperolehi melalui tinjauan (Februari-April, 2009) menggunakan soal selidik terhadap 1,525 responden dari wilayah Kedah dan Kelantan. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 495 responden dipilih berdasarkan penglibatan mereka dalam aktiviti bukan pertanian. Pemilihan ini menggunakan maklumat rangka persampelan peserta AIM sehingga 31 Julai 2008 yang diperolehi dari cawangan operasi dan wilayah AIM. Data dikutip dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis mengikut cawangan. Di setiap cawangan pemilihan pusat dijalankan secara rawak dan kemudian peserta di pusat yang terpilih dilakukan secara rawak.

Ujian Mahanalabis dilakukan untuk menentukan nilai ekstrim. Kira-kira enam keses data (responden) telah digugurkan kerana nilai yang melampau dan hanya tinggal seramai 489 responden sahaja untuk dianalisis. Fokus kepada aktiviti ini kerana sumbangannya kepada penjana pendapatan peserta adalah lebih tinggi berbanding dengan aktiviti pengeluaran pertanian. Ia hanya meliputi dua wilayah iaitu Kedah dan Kelantan yang meliputi 10 cawangan di Kedah dan 11 cawangan di Kelantan. Pemilihan dua wilayah ini bersesuaian dengan kajian kemiskinan yang menumpu kepada dua wilayah paling miskin di Semenanjung Malaysia. Saiz sampel sebesar ini lebih dari mencukupi untuk mewakili populasi yang disampelkan (Uma Sekaran, 2004).

Untuk mendapat maklumat pendapatan projek, aset dan tabungan yang tepat mungkin sukar. Namun begitu masalah ini boleh diselesaikan sekiranya penyelidik atau penemuduga lebih berhati-hati dalam memungut maklumat atau data semasa tinjauan dijalankan. Tinjauan dijalankan oleh penemuduga yang berpengalaman dan terlatih yang terdiri daripada penyelidik dan pelajar-pelajar universiti. Temuduga secara bersemuka dengan menanya maklumat tersebut dan pada masa yang sama penemuduga cuba merujuk rekod-rekod kewangan yang ada. Sama ada berdasar kepada rekod dan atau lisan, penemuduga mengira purata pendapatan bulanan berdasarkan pendapatan bulan tertinggi, sederhana dan terendah dalam tempoh setahun. Data itu pula dibandingkan dengan data sekunder dari penyelidikan lain dan maklumat dalam organisasi itu sendiri bagi meningkatkan kualiti maklumat (Zikmund, 2003).

Perusahaan tidak formal agak sukar untuk mengira atau menilai pulangan ke atas modal yang dilaburkan. Ini kerana pemiliknya tidak mempunyai struktur pengasingan kewangan antara transaksi perniagaan dan keluarga. Walaupun agak sukar untuk melihat perkembangan projek dengan tepat, tetapi kita dapat melihat perkembangan daya maju projek tersebut melalui peningkatan pendapatan, aset, simpanan dan lain-lain indikator. Dalam menentu keberkesanan pembolehubah penerang kepada prestasi pendapatan projek ini, kami membanding projek ekonomi responden yang beroperasi kurang dari enam tahun dan dengan projek ekonomi yang lebih lima tahun beroperasi.

Pembolehubah lain selain modal sosial yang diperolehi ialah perolehan projek, aset, pendidikan responden, tabungan, pinjaman, umur responden, saiz isi rumah dan pengalaman (tahun) menyertai AIM. Pendapatan merujuk kepada nilai (RM) purata pendapatan kasar projek setelah ditolak perbelanjaan operasi dan pinjaman semasa sebulan dalam tahun kajian. Aset merujuk kepada nilai (RM) aset projek semasa tinjauan. Pendidikan merujuk kepada tempoh (tahun) pendidikan formal yang diterima oleh responden. Tabungan merujuk kepada tabungan terkumpul sukarela responden semasa tinjauan. Manakala pinjaman pula merujuk kepada purata pinjaman kumulatif dari tahun Januari 2000 hingga Disember 2008. Sebelum analisis, data pendapatan, aset, tabungan dan pinjaman diaplikasikan dalam bentuk "natural logarithm" supaya taburannya lebih menghampiri kepada taburan normal.

## PENGUKURAN KONSTRUK MODAL SOSIAL

Pembentukan dan pengukuran konstruk modal sosial masih menjadi perdebatan dalam kalangan saintis sosial (Roslan et al, 2012; dan Stone & Hughes, 2002). Kajian ini mengambil kira pelbagai pembentukan konstruk modal sosial berdasarkan takrifan dari sorotan literatur. Manakala pengukuran konstruk ini dilakukan menerusi prosedur analisis faktor. Sebanyak 18 item yang diperolehi,

dianalisis, dan dibentuk dalam enam dimensi modal sosial untuk analisis selanjutnya. Setiap dimensi dinamakan mengikut ciri-ciri utama dimensi berkenaan iaitu: (1) Norma dan Kumpulan; (2) Kepercayaan dan Institusi Kredit; (3) Jaringan Perniagaan; (4) Persamaan Ekonomi; (5) Kepercayaan Keluarga; dan (6) Kesukarelaan. Setiap item dimensi ditransformasikan kepada ‘*summative rating*’ (Ahmad Mahzan Ayob, 2010) yang mewujudkan satu pemboleh ubah yang mengukur konstruk tersebut. Kaedah ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpercayaan di dalam pengukuran (Hair et al, 1998). Dalam kata lain, item setiap konstruk diukur menggunakan skala interval atau skala likert yang diukur pada tahap persetujuan 1-5 (1=sangat tidak setuju hingga 5=sangat setuju). Jadual 1 menunjukkan dimensi modal sosial dan item pengukuran setiap dimensi.

## ANALISIS DATA

Analisis pemodelan persamaan struktur (SEM) menggunakan perisian IBM AMOS digunakan untuk memodelkan hubungan di antara pemboleh ubah terlibat. Penggunaan analisis ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh setiap pemboleh ubah dalam model kajian secara serentak supaya fenomena kajian dapat dicerap dengan baik (Hair et al, 2010; Mehdi Karimimalayer & Mohd Khairol Anuar, 2012).

## ISU-ISU PENGANGGARAN

Ujian nilai ekstrim multivariat (*Mahalanobis Distance*) menunjukkan lima data kajian melebihi nilai kritikal *Mahalanobis Distance* ( $\chi^2 = 13$ ,  $D^2_{0.001} = 34.33$ ) iaitu data yang dinomborkan sebagai 1,2,3,7,38 dan 60. Kesemua data ini digugurkan. Ujian normaliti menggunakan statistik koefisien Mardia's = 1.97 dan nilai kritikal ratio (CR) kurang 1.96 ( $p < 0.05$ ) menunjukkan data menghampiri taburan normal. Taburan kajian ini tidak mempunyai masalah multikolineariti berdasarkan nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) < 10 dan *Tolerance* < 2 (Lind, et al 2011). Hasil ujian Breusch-Pagan-Godfrey dan Harvey mendapati masalah heteroskedastisiti, tidak serius berdasarkan nilai  $\chi^2$  bersamaan 13.33 (nilai kebarangkalian,  $p=0.27$ ) dan 14.39 (nilai kebarangkalian,  $p=0.21$ ) masing-masing untuk model tersebut (Griffiths W.E. et al, 2008).

## KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, kaedah konsistensi dalaman digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen tersebut. Manakala kesahan konstruk pula diperolehi melalui faktor analisis. Secara keseluruhannya tahap kebolehpercayaan menunjukkan Cronbach Alpha bernilai 0.76. Nilai ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan adalah baik (Hair et al, 2010). Dalam menentukan kesahihan modal sosial ini, prosedur faktor analisis digunakan dengan merujuk kepada ujian *Bartlett's Test of Sphericity* pada tahap signifikan ( $\text{sig}=0.000$ ) dan nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) bersamaan 0.742. Ini menunjukkan ukuran kecukupan sampel adalah munasabah (Hair et al, 2010).

## ANALISIS FAKTOR

Prosedur *Principal Component Analysis* dan *varimax rotation* digunakan untuk membolehkan komponen-komponen faktor dikenalpasti dalam pemboleh ubah yang dikaji yang akan digunakan dalam analisis selanjutnya (Rencher, 1995). Analisis faktor menunjukkan nilai KMO terhadap pemboleh ubah modal sosial ialah 0.742 dan ujian *Bartlett's Test of Sphericity* dengan nilai Chi-Square = 2282.74 pada darjah kebebasan = 153 dan nilai signifikan = 0.000. Lanjutan daripada itu juga menunjukkan nilai keseragaman (communalities) bagi setiap item adalah melebihi daripada 0.3 dengan item “Saya tidak ragu-ragu menyertai AIM” mencatat nilai tertinggi iaitu 0.823 dan item “Tahap kepercayaan sesama ahli kumpulan adalah tinggi” adalah terendah iaitu 0.416. Aplikasi analisis faktor ini telah menghasilkan enam komponen modal sosial yang mempunyai nilai *eigenvalue* melebihi nilai 1 yang menunjukkan tahap kesignifikan (Hair et al., 2010).

Komponen-komponen yang diperolehi melalui analisis putaran *varimax* memaparkan beban faktor (rotated factor loadings) pada setiap item-item. Pemilihan item-item untuk menunjukkan tahap korelasi antara faktor berdasarkan nilai beban faktor yang melebihi 0.4 yang dianggap signifikan (Churchill, 1979). Item-item yang terkumpul mengikut komponen-komponen atau faktor-faktor

tersebut diberikan nama masing-masing iaitu: Norma dan Kumpulan, Kepercayaan dan Institusi Kredit, Jaringan Perniagaan, Persamaan Ekonomi, Kepercayaan Keluarga dan Kesukarelaan. Penentuan nama ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang berkaitan faktor tersebut dan dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas.

## PENEMUAN KAJIAN

Setelah mengambilkira isu-isu dalam penganggaran seperti yang dijelaskan di atas, model akhir diambilkira dalam membuat keputusan penganggaran. Ukuran kebagusan model dilihat kepada tiga indeks iaitu *Absolute Fit Index* (AFI), *Incremental Fit Index* (IFI) dan *Parsimonious Fit Index* (PFI). AFI adalah untuk menentukan darjah keseluruhan model (struktur dan pengukuran) dalam meramal varian-kovarian pembolehubah *observed* atau korelasi matrik.

Indeks IFI membandingkan model sebenar (original model) dengan model asas (baseline model/null model). Indeks PFI berkaitan dengan kebagusan model terhadap pekali penganggar (estimated coefficients) yang perlu mencapai tahap kebagusan yang di tetapkan. Indeks PFI yang baik menggambarkan kebagusan model yang baik dengan darjah kebebasan yang tinggi. Prosidur ini adalah bersamaan dengan “adjustment R<sup>2</sup>” dalam regresi berganda (Hair et al, 1998). Merujuk kepada ukuran kebagusan indeks (GFI) secara keseluruhan, mengikut wilayah dan tempoh menyertai AIM mendapati nilai RMSEA<0.071, CFI>0.810 dan PNFI>0.60 telah mencapai tahap penerimaan model tersebut (Hair et al, 1998) (Jadual 2).

Modal sosial dalam kajian ini terdiri dari enam dimensi yang diterbitkan oleh analisis faktor seperti yang dijelaskan di atas. Mengikut wilayah mendapati wujud beberapa perbezaan dimensi modal sosial iaitu dimensi Norma dan kumpulan, kepercayaan dan institusi serta Persamaan ekonomi dengan nilai *t* masing-masing melebihi 2.50. Dimensi lain tidak signifikan. Merujuk kepada pengalaman menyertai AIM mendapati dimensi Norma dan kumpulan, Jaringan perniagaan dan Kepercayaan dan keluarga adalah perbeza secara signifikan dengan nilai *t* masing-masing melebihi 1.90. Lain-lain dimensi tidak signifikan. Pembolehubah pendapatan projek, pendidikan dan saiz isi rumah berbeza antara sahabat Kelantan dan Kedah. Mengikut tempoh penyertaan dalam AIM, pembolehubah pendapatan, pendidikan dan aset projek menunjukkan perbezaan yang signifikan (Jadual 3).

Seperti dijangka hasil penganggaran menunjukkan modal sosial memberi kesan yang signifikan (positif) kepada pendapatan dan aset projek (modal fizikal) tetapi tidak signifikan kepada pendidikan sahabat. Analisis mengikut tempoh penyertaan, sahabat yang menyertai AIM ≤ 5 tahun mendapati modal sosial juga signifikan mempengaruhi pendapatan pada aras keertian 0.05, tetapi tidak signifikan kepada aset. Modal sosial sahabat yang menyertai AIM ≥ 6 tahun tidak memberi kesan signifikan kepada pendapatan tetapi memberi kesan signifikan (positif) kepada aset. Analisis mengikut wilayah menunjukkan kesan pengaruh modal sosial berbeza antara Kedah dan Kelantan. Modal sosial sangat mempengaruhi pendapatan projek di wilayah Kedah pada aras keertian 0.01, manakala tidak signifikan di wilayah Kelantan. Modal sosial kedua-dua wilayah juga tidak memberi kesan signifikan kepada aset dan pendidikan.

Selain itu pendidikan juga secara keseluruhan memberi kesan yang signifikan (positif) kepada pendapatan tetapi tidak signifikan kepada aset. Pendidikan sahabat yang menyertai AIM ≤ 5 tahun adalah signifikan (positif) mempengaruhi pendapatan tetapi tidak signifikan untuk penyertaan sahabat ≥ 6 tahun. Sebaliknya faktor pendidikan mempengaruhi aset projek untuk tempoh tersebut (aras keertian 0.05). Ini menunjukkan untuk tempoh ≥ 6 tahun menyertai AIM, faktor pendidikan sudah tidak signifikan lagi. Faktor pendidikan memberi kesan yang signifikan kepada pendapatan projek sahabat di wilayah Kelantan (aras keertian 0.10) dan tidak signifikan bagi Kedah.

Modal fizikal (aset projek) juga memainkan peranan penting meningkat pendapatan projek sahabat. Dapatan menunjukkan aset projek sangat mempengaruhi pendapatan projek secara keseluruhan dan dalam tempoh ≤ 5 tahun menyertai AIM pada aras keertian 0.01. Manakala tempoh penyertaan ≥ 6 tahun sudah tidak signifikan lagi. Mengikut wilayah, faktor aset projek mempengaruhi pendapatan projek di wilayah Kedah (aras keertian 0.10) dan Kelantan (aras keertian 0.05).

Apa yang menarik dalam model ini hubungan pembolehubah modal sosial, modal insan dan modal fizikal boleh dianalisis secara serentak untuk melihat hubungan secara langsung atau tidak langsung (Rajah 2). Dalam hubungan tersebut MFIs menyalur dana dalam bentuk modal kewangan (Pinjaman) sebagai pemangkin kepada pembolehubah modal sosial dan modal fizikal kecuali modal

insan (pendidikan)<sup>3</sup>. Modal kewangan juga mempengaruhi pendapatan projek secara tidak langsung melalui modal sosial dan modal fizikal. Penemuan menunjukkan modal kewangan (Pinjaman) sangat mempengaruhi modal sosial secara keseluruhannya dan tempoh penyertaan sahabat  $\geq 6$  tahun (aras keertian 0.05), tetapi tidak signifikan di awal penyertaan sahabat ( $\leq 5$  tahun). Ini menggambarkan bahawa modal kewangan mula memberi kesan kepada modal sosial sahabat yang telah lama menyertai program dan seterusnya memberi impak kepada peningkatan pendapatan. Modal kewangan turut mempengaruhi modal sosial di wilayah Kedah dan Kelantan pada aras keertian 0.10. Modal kewangan juga sangat mempengaruhi peningkatan modal fizikal (aset projek) secara keseluruhan dan tempoh  $\leq 5$  tahun penyertaan sahabat serta wilayah Kedah (aras keertian 0.01). Namun begitu tidak signifikan untuk tempoh  $\geq 6$  tahun dan wilayah Kelantan.

Akan tetapi modal kewangan juga berhubung dengan pendapatan projek secara langsung. Modal kewangan sangat signifikan mempengaruhi pendapatan sama ada di wilayah Kedah atau Kelantan serta tempoh kurang enam tahun dan lebih lima tahun penyertaan dalam AIM (aras keertian 0.01). Ini menggambarkan secara tersirat penyaluran modal tersebut selain membeli modal fizikal, ia juga digunakan sebagai modal kerja atau modal pusingan.

Penemuan menunjukkan dalam tempoh  $\geq 6$  tahun, pinjaman tidak lagi menjadi penyumbang kepada peningkatan modal fizikal sebagai pelaburan untuk meningkat pendapatan sebaliknya tabungan sahabat yang memainkan peranan meningkat modal fizikal (aras keertian 0.01). Ini jelas berlaku pengumpulan tabungan apabila pendapatan meningkat pada aras keertian 0.05 (Jadual 4).

Penemuan juga menunjukkan sahabat wilayah Kedah menggunakan pinjaman untuk membeli modal fizikal sebaliknya sahabat wilayah Kelantan lebih menggunakan tabungan untuk membeli aset yang digunakan dalam projek. Untuk menguatkan lagi dakwaan ini boleh dilihat sumbangan pendapatan kepada tabungan di Kedah adalah signifikan pada aras keertian 0.10 berbanding sahabat Kelantan signifikan pada aras keertian 0.01. Perbezaan ini mencerminkan aktiviti menabung lebih aktif sahabat di wilayah Kelantan walaupun ujian *t* menunjukkan pendapatan sahabat Kedah lebih tinggi (Jadual 5 dan Rajah 2).

## IMPLIKASI DASAR DAN KESIMPULAN

Secara umumnya modal sosial, modal insan dan modal fizikal memberi kesan yang positif kepada pendapatan projek sahabat. Penyertaan awal sahabat ( $\leq 5$  tahun) menyaksikan modal sosial, modal insan dan modal fizikal memainkan peranan meningkatkan pendapatan projek. Akan tetapi pengaruh ketiga-tiga modal tersebut berkurangan malah tidak berkesan setelah penyertaan projek sahabat melewati enam tahun. Ini terjadi mungkin keperluan kritikal sumber modal sedia ada sudah kurang memenuhi keperluan operasi projek kini. Oleh itu modal sosial yang sedia ada perlu disuburkan secara berterusan supaya potensinya dapat digunakan secara berkesan di masa hadapan. Begitu juga dengan pendidikan formal (modal insan) yang sekiranya tanpa penambahbaikan khusus boleh menjejaskan prestasi projek. Ini menunjukkan pembangunan faktor tersebut perlu ditingkatkan supaya selari dengan tahap perkembangan projek dan peredaran masa. Secara teoritikalnya faktor ini amat penting dalam meningkatkan prestasi dan daya maju projek.<sup>4</sup> Pengaruh modal sosial berbeza antara wilayah. Modal sosial sangat mempengaruhi pendapatan projek di wilayah Kedah manakala tidak signifikan di wilayah Kelantan. Ini menunjukkan mungkin wujud perbezaan dari segi amalan dan sosial budaya antara wilayah tersebut. Jika kita merujuk kepada ujian perbezaan min (ujian *t*) di atas terdapat beberapa dimensi modal sosial yang berbeza berdasarkan wilayah. Perbezaan inilah yang mungkin memberi kesan yang berbeza kepada pendapatan projek.

Pihak AIM juga perlu melihat keperluan sahabat yang berbeza mengikut tempoh penyertaan mereka dalam program. Ini mungkin ada kaitan dengan perkembangan dan daya maju projek maka keperluan sumber-sumber menjadi berbeza ketika di awal memulakan projek. Ini jelas misalnya penyaluran kewangan memberi kesan berbeza kepada beberapa pembolehubah mengikut tempoh penyertaan dan wilayah. Misalnya faktor modal sosial bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dibentuk atau dikumpulkan dan ia juga bergantung kepada sosial budaya yang menjadi amalan kehidupan harian sahabat sebelum menyertai AIM lagi. Jika ini sudah sedia ada, maka mudah bagi pihak institusi mikro cuba membentuk dan membina kekuatan modal sosial secara lebih sistematik.

<sup>3</sup> Faktor pendidikan merupakan pembolehubah exogen yang tidak dipengaruhi oleh modal kewangan (pinjaman) kerana ia wujud sebelum sahabat menyertai skim kewangan mikro lagi.

<sup>4</sup> Analisis tidak memasukan faktor yang berkaitan dengan aktiviti latihan (modal insan) kerana tidak mempunyai data yang lengkap. Dijangkakan faktor tersebut sangat mempengaruhi peningkatan pendapatan projek khususnya dalam tempoh melewati 5 tahun menyertai AIM.



Inilah yang kita nampak akan menjadi satu kekuatan kepada sahabat misalnya dari segi jaringan perniagaan, tahap kepercayaan, kesukarelaan yang tinggi serta mengamalkan norma-norma yang positif.

Secara keseluruhannya bahawa modal sosial memainkan penting dalam mengembangkan aktiviti projek sahabat. Walaupun dalam dekad-dekad yang lepas kebanyakan ahli ekonomi dan pembuat dasar lebih menumpukan kepada pembangunan modal insan dan fizikal, namun peranan modal sosial mempunyai potensi tersendiri untuk mencapai objektif pembangunan sesuatu projek yang tidak boleh diabaikan. Lebih-lebih lagi suasana sosial budaya dan amalan kehidupan masyarakat kita telah menurus kepada konsep konstruk tersebut. Ini merupakan satu sumber modal yang berpotensi dan boleh dibina lebih-lebih lagi dengan adanya kaedah pakej pembiayaan institusi kewangan mikro. Selanjutnya pakej pembiayaan ini menjadi pemangkin menjana pendapatan projek melalui modal sosial, insan dan fizikal.

## PENGHARGAAN

Artikel ini menggunakan sebahagian dari data kajian Impak 6 AIM (2010). Oleh itu penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak AIM atas kebenaran menggunakan data ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Mahzan Ayob (2010). *Kaedah Penyelidikan Sosial-Ekonomi*, Edisi 3. Kuala Lumpur: DBP
- Bhatt, N. and Tang, S.Y (2002). Determinants of Repayment in Microcredit: Evidence from Programs in the United States. *International Journal of Urban and Regional Research*. 26(2), 360-76.
- Churchill, G.A.Jr. (1979). A paradigm for development better measure or marketing constructs, *Journal of Marketing Research*, 16, 64-73.
- Coleman, J. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94, 95-120.
- Cooke P. and Wills, D. (1999). Small Firms, Sosial Capital and the Enhancement of Business Performance Through Innovation Programmes. *Small Business Economics*, 13(3): 219-234
- Fasorantini, M.M, Akinrinola O.O. & Ajibefun, L.A (2006). "Impact of the Micro Credit and Training on efficiency of Small-Scale Entrepreneurs: Evidence from National Directorate of Employment (NDE) Loan/Training Programmes in Nigeria". *The Sosial Sciences* 1(4):264-269.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: Sosial Virtues and the Creation of Prosperity*. NY: Free Press.
- Ghatak, M. (1999). Group lending, local information and peer Selection. *Journal of Development Economics*. 60, 27-50.
- Griffiths W.E., Hill, R.C. and Lim, G.C. (2008). *Using Eviews For Principles of Econometrics*, 3rd Edition. United States. John Wiley & Sons, Inc.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham R.L and Black, W.C.(1998). *Multivariate Data Analysis, 5th Edition*. New Jersey: Prentice-Hall Educational Inc.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., and Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective, 7th Edition*. New Jersey: Pearson Educational Inc.
- Hair, J. F., Money, A. H., Samouel P. and Page, M.(2007). *Research Methods for Business*. John Wiley & Sons, Ltd.
- Karlan, D.S (2001). Social Capital and Group Banking. *MIT Department of Economics*.
- Laura J. Spence, Rene Schmidpeter and Andre Habisch (2003). Assessing Sosial Capital: Small and Medium Sized Enterprises in Germany and the U.K. *Journal of Business Ethics*, 47(1): 17-29
- Mincer, J. (1981). Human Capital And Economic Growth Nber Working Paper Series, No. 803 National Bureau Of Economic Research 1050 Massachusetts Avenue Cambridge Ma 02138
- Mehdi Karimimalayer, A.A. dan Mohd Khairol Anuar (2012). Structural equation modeling VS multiple regression. The first and second generation of multivariate techniques. *IRACST – Engineering Science and Technology: An International Journal (ESTIJ)*. 2(2), 326-329
- Narayan, D. & Cassidy, M. F. (2001). A dimensional approach to measuring social capital: Development and validation of a social capital inventory. *Current Sociology*, 42(2), 59-102.
- Narayan, D. and Pritchett, L (1999). Cents and Sociability: Houshold Income and Sosial Capital in Rural Tanzania. *Economic Development and Cultural Change*. 47(4), 871-897.
- Putnam, Robert D., Robert, Leonard and Raffaella Nanetti (1993). *Making Democracy work: Civic Traditions in Modern Italy*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.

- Putnam, R. (1995). Bowling Alone: America's Declining Social Capital. *Journal of Democracy*, 6 (1), 65-78.
- Rencher, A.C. (1995). *Methods of Multivariate Analysis*, New York, John Wiley & Sons.
- Roslan A.H, Russayani Ismail and Nor Azam Abdul Razak (2012). The Relationship Between Sosial Capital and Quality of Life Amomg Rural Households In Terengganu, Malaysia. *Ontario International Development Agency*. 100-106.  
(Available at [http://www.ssm.com/link/OIDA-Intl-Journl-Sustainable\\_Dev.html](http://www.ssm.com/link/OIDA-Intl-Journl-Sustainable_Dev.html))
- Rweyemamu D.C., M.P. Kimaro and O.M. Urassa (August 2003). *Assessing Micro-Finance services in agricultural sector development: A case study of semi-formal finance institutions in Tanzania*. Economic and Sosial Research Foundation (Unpublished).
- Sulaiman, N. dan Mohd Saukan, M.N. (2007). Modal Sosial Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Firma Perusahaan Keci Dan Sederhana (PKS). *IJMS* 14 (2): 93-111
- Sekaran, U. (2004). *Research Methods for Business: A skill-building approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Stone, W. and Hughes, J. (2002). Social capital Empirical meaning and measurement validity. *Australian Institute of Family Studies*. Research Paper No. 27.
- Zikmund, W. G. (2003). *Business Research Methods*. 7<sup>th</sup> ed. Oklahoma State University: Thomsom South-Western.
- World Bank Group (2011). Overview : Sosial Capital (Permanent URL for this page: <http://go.worldbank.org/COQTRW4QF0>)
- Woolcock, M. and Narayan, D. (2000). Social Capital: Implications for Development Theory, Research, and Policy. *The World Bank Research Observer*. 15(2), 225-249.

JADUAL 1: Dimensi dan Item Pengukuran Setiap Dimensi Konstruk Modal Sosial

Dimensi	Item Pengukuran
1. Norma dan kumpulan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Ahli kumpulan / sahabat sentiasa menolong satu sama lain.</li> <li>Ahli kumpulan /sahabat kerap berkomunikasi antara sendiri.</li> <li>Ahli kumpulan /sahabat saling membantu dalam menyelesaikan masalah.</li> <li>Ahli kumpulan / sahabat serius untuk mencapai kejayaan dalam projek.</li> <li>Kehidupan ahli kumpulan / sahabat sangat rapat.</li> <li>Tahap kepercayaan sesama ahli kumpulan/sahabat adalah tinggi.</li> </ol>
2. Kepercayaan dan Institusi Kewangan Mikro	<ol style="list-style-type: none"> <li>Saya tidak ragu-ragu menyertai AIM.</li> <li>Saya rasa yakin berurusan dengan AIM.</li> <li>Hubungan saya dengan kakitangan AIM adalah baik.</li> </ol>
3. Jaringan perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Saya selalu berbincang dengan pembekal mengenai bekalan dan harga bahan mentah untuk projek saya.</li> <li>Saya selalu berbincang dengan rakan untuk meningkatkan prestasi projek.</li> <li>Saya berhubung dengan agensi pembangunan mengenai projek saya.</li> </ol>
4. Persamaan ekonomi	<ol style="list-style-type: none"> <li>Ahli kumpulan/sahabat mempuyai latarbelakang ekonomi yang sama.</li> <li>Aktiviti ekonomi dijalankan berhampiran sesama sahabat.</li> </ol>
5. Kepercayaan dan Keluarga	<ol style="list-style-type: none"> <li>Saya selalu menyerahkan tugas harian projek kepada anak/suami saya.</li> <li>Saya sedang membimbing waris saya untuk mengambil alih projek saya.</li> </ol>
6. Kesukarelaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Saya sanggup menjadi contoh kepada usahawan wanita yang lain.</li> <li>Saya sukarela berkongsi maklumat dengan sahabat handai / jiran.</li> </ol>

JADUAL 2: Ukuran Kebagusan Indeks (GFI)

		Keseluruhan	Kedah	Kelantan	≤5th penyertaan	≥6th penyertaan
	Aras penerimaan	Dapatan	Dapatan	Dapatan	Dapatan	Dapatan
AFI -RMSEA	<0.08	0.071	0.046	0.046	0.044	0.044
IFI - CFI	Nilai tinggi lagi baik	0.814	0.900	0.900	0.944	0.918
PFI- PNFI	Nilai tinggi lagi baik	0.617	0.608	0.608	0.613	0.613

Nota: RMSEA = *The Root Mean Square Error of Approximation*  
CFI = *Confirmatory Fit Index*  
PNFI = *Parsimonious Normed Fit Index*

JADUAL 3: Taburan Data Diskriptif dan Ujian *t*

Pembolehubah & dimensi	Kelantan n=251	Kedah n=238	Ujian <i>t</i>	1 - 5 th n=229	≥6th n=260	Ujian <i>T</i>
	Min	Min	Nilai <i>t</i>	Min	Min	Nilai <i>t</i>
Pendapatan	7.12	7.29	-2.34**	7.02	7.36	-4.71***
Pendidikan (Tahun)	8.19	9.32	-3.35***	9.24	8.29	2.82***
Aset projek	8.06	7.96	.92	7.72	8.27	-5.38***
Pengalaman dalam AIM kuasa dua	73.15	60.87	1.80*	9.12	118.30	-24.43***
Pengalaman dalam AIM	7.18	6.39	1.91**	2.68	10.42	-36.05***
Pinjaman	8.14	8.07	1.67	7.87	8.31	-11.45***
Saiz isi rumah	6.20	5.68	2.64***	5.83	6.05	-1.09
Tabungan sukarela	4.66	4.99	-.98	4.74	4.89	-.49
Norma dan kumpulan (6 item)	24.64	24.16	2.56**	24.18	24.60	-2.25**
Kepercayaan dan Institusi	12.70	12.47	2.52**	12.52	12.65	-1.37
Kewangan Mikro (3 item)						
Jaringan perniagaan (3 item)	11.73	11.75	-.18	11.61	11.86	-1.93*
Persamaan ekonomi (2 item)	6.90	6.39	3.62***	6.74	6.57	1.15
Kepercayaan dan Keluarga (2 item)	6.99	7.05	-.40	6.85	7.17	-2.32**
Kesukarelaan (2 item)	8.03	8.11	-.99	8.03	8.10	-.93

Nota: \*\*\*sig.1%, \*\*sig.5% dan \*sig. 10%

Modal insan merujuk kepada pembolehubah "Pendidikan", Modal fizikal merujuk kepada pembolehubah "Aset projek" dan modal kewangan merujuk kepada pembolehubah "pinjaman".

JADUAL 4: Keputusan Penganggaran Mengikut Tempoh Penyertaan Sahabat


Pembolehubah		Keseluruhan	1-5th		≥6th		
			Koefisen	C.R.	Koefisen	C.R.	Koefisen
Modal social	<--- Pinjaman	0.282**	2.297	-0.099	-0.698	0.511**	2.299
Pendidikan	<--- Modal sosial	0.294	1.393	0.479	1.076	0.258	1.096
Pendapatan	<--- Pendidikan	0.021**	2.294	0.027**	2.158	0.018	1.436
Pendapatan	<--- Modal sosial	0.12***	2.718	0.271***	2.653	0.049	0.983
Aset projek	<--- Pinjaman	0.473***	4.423	0.615***	3.504	-0.028	-0.174
Aset projek	<--- Pendidikan	0.017	1.275	0.004	0.215	0.04**	2.256
Pendapatan	<--- Pengalaman dalam AIM kuasa dua	0.011	0.381	0.034	1.05	0.001	0.187
Pendapatan	<--- Pengalaman dalam AIM	-0.001	-0.564	-0.232	-	-0.041	-0.404
Pendapatan	<--- Saiz isi rumah	0.022	1.413	0.042*	1.803	0.012	0.618
Aset projek	<--- Modal sosial	0.107*	1.69	-0.04	-0.31	0.148**	2.095
Pendapatan	<--- Pinjaman	0.56***	6.438	0.471***	3.486	0.65***	5.651
Pendapatan	<--- Aset projek	0.08***	2.602	0.134***	3.128	0.052	1.152
Tabungan	<--- Pendapatan	0.685***	3.431	0.705**	2.345	0.669**	2.373
Aset projek	<--- Tabungan	0.053***	3.768	0.056***	2.624	0.057***	3.142

Nota: CR= nisbah kritikal


JADUAL 5: Keputusan Penganggaran Mengikut Wilayah

Pembolehubah		Keseluruhan		Kedah		Kelantan	
		Koefisen	C.R.	Koefisen	C.R.	Koefisen	C.R.
Modal sosial	<--- Pinjaman	0.282**	2.297	0.311*	1.693	0.237*	1.624
Pendidikan	<--- Modal sosial	0.294	1.393	0.138	0.588	0.601	1.45
Pendapatan	<--- Pendidikan	0.021**	2.294	0.013	0.878	0.021*	1.887
Pendapatan	<--- Modal sosial	0.12***	2.718	0.154***	2.697	0.075	1.038
Aset projek	<--- Pinjaman	0.473***	4.423	0.681***	4.854	0.183	1.125
Aset projek	<--- Pendidikan	0.017	1.275	0.02	1.015	0.016	0.871

Pendapatan	<---	Pengalaman dalam AIM kuasa dua	0.011	0.381	0.000	0.038	-0.002	-0.771
Pendapatan	<---	Pengalaman dalam AIM	-0.001	-0.564	0.003	0.064	0.017	0.464
Pendapatan	<---	Saiz isi rumah	0.022	1.413	0.044*	1.69	0.015	0.828
Aset projek	<---	Modal sosial	0.107*	1.69	0.065	0.879	0.161	1.348
Pendapatan	<---	Pinjaman	0.56***	6.438	0.57***	4.362	0.547***	4.763
Pendapatan	<---	Aset projek	0.08***	2.602	0.084*	1.772	0.08**	2.062
Tabungan	<---	Pendapatan	0.685***	3.431	0.499*	1.933	0.893***	2.831
Aset projek	<---	Tabungan	0.053***	3.768	0.038*	1.912	0.069***	3.549



RAJAH 1: Kerangka Asas Model Penyelidikan



$R^2 = 0.19$  dengan "Pendapatan" sebagai DV utama

RAJAH 2. Model Hubungan Modal Sosial, Insan, Fizikal dan Kewangan (Keseluruhan)